

Kerajaan perlu respons segera elak spekulasi

SHAH ALAM - Kerajaan disaran untuk memberi respons segera berhubung rebat tol Touch 'n Go yang menjadi persoalan ramai sama ada masih diteruskan atau tidak.

Pakar Komunikasi dari Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Dr Mohd Faizal Kasmani berkata, pihak terbabit perlu mendepani situasi ini bagi mengelakkan kekeliruan terus berlaku.

"Di zaman masyarakat yang terdedah dengan media sosial, banyak isu yang perolehi dengan cepat tanpa ada kesahihannya.

"Oleh itu, pihak yang terlibat perlu memberi respons segera dengan memberi penjelasan yang tepat dan jelas," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, walaupun isu yang timbul itu nampak kecil tetapi perlu ditangani dengan segera sebelum timbul spekulasi yang memburukkan pihak yang terlibat.

Menurut beliau, rasa ingin tahu rakyat khususnya pengguna lebuhraya semakin menebal apabila isu itu dimainkan media utama yang dipercayai mereka.

"Apabila ada sumber yang dipercayai mengutarakan isu ini, maka persoalan lebih banyak, justeru itu penjelasan segera diperlukan daripada pihak bertanggungjawab," katanya.

Isu mengenai rebat Touch 'n Go



Muka depan *Sinar Harian* pada 24 Disember 2013.

menjadi tanda tanya banyak pihak apabila timbul percanggahan jawapan daripada pihak bertanggungjawab.

Ada yang mengatakan bahawa rebat itu tamat pada 31 Disember lalu dan ada yang difahamkan rebat itu masih diteruskan sehingga ke hari ini.

Semalam, tinjauan *Sinar Harian* di stesen minyak yang menyediakan kaunter Touch 'n Go dan pekerja yang ditemui memberitahu tiada rebat baharu dikeluarkan lagi.

Bagaimanapun, pekerja berkenaan

gagal menjelaskan maksud rebat baharu itu.

Berbeza pula situasi di kaunter tol Batu Tiga, wakil *Sinar Harian* berjaya membuat penebusan rebat berkenaan walaupun tarikh akhir yang dihabarkan sebelum ini telah tamat.

Sehubungan itu, jawapan segera daripada Menteri Kerja Raya yang bertanggungjawab dalam isu ini amat dinanti-nantikan rakyat supaya tiada lagi spekulasi yang timbul berhubung perkara ini.